

Tun Abdullah Ayub



Tun Abdullah bin Ayub
(1 Januari 1979 - 30 November 1980)

Tun Abdullah Ayub telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara keenam mulai 1 Januari 1979 hingga 30 November 1980. Kehebatan Tun Abdullah Ayub dalam bidang pentadbiran awam khususnya pengurusan kewangan boleh disifatkan luar biasa. Selepas sebelas tahun berkhidmat di Perbendaharaan Malaysia (1961-1972), beliau telah diberi kepercayaan untuk menjadi Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada Julai 1972, sebelum beliau kembali ke Perbendaharaan sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada Ogos 1974. Berdasarkan kecemerlangan tersebut, beliau akhirnya telah mendapat kepercayaan kerajaan untuk menjadi Ketua Setiausaha Negara.

Tun Abdullah Ayub dilahirkan pada 3 Januari 1926 di Rantau Panjang Laut, Sitiawan, Perak. Beliau mempunyai latar belakang akademik yang amat baik sehingga mendapat *Queen's Scholar* bagi melanjutkan pelajaran di *Raffles College*, Singapura dan seterusnya di Universiti Malaya. Beliau juga telah memperolehi *Doctor of Laws* dari Universiti Malaya. Pengalaman beliau dalam bidang kewangan tidak dapat dinafikan lagi berdasarkan ungkapan YAB Perdana Menteri Dato' Hussein Onn seperti di bawah:

“...which has made him an expert in financial management who has no equal...”⁵

Antara sumbangan beliau termasuklah pelaksanaan kajian semula *Suffian Report* yang telah mencadangkan pencen terbitan (*derivative pension*) kepada balu penjawat awam yang kemudiannya dilanjutkan kepada anak-anak pegawai tersebut. Tun Abdullah juga telah mencadangkan pewujudan skim perumahan bagi penjawat awam melalui penubuhan *Government Officers Housing Society*.

⁵Ibid., p. 131.